

Kongres Kebangsaan DAP ke-18

# Anwar sokong hadkan jawatan PM 10 tahun

Kerajaan komited laksana agenda reformasi termasuk pinda Perlembagaan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Mohamad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Kerajaan komited berpegang janji untuk melaksanakan agenda reformasi, termasuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi menegahkan tempoh penyandang jawatan Perdana Menteri kepada 10 tahun, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, proses itu perlu dilaksanakan dengan rapi dan memerlukan konsensus semua parti serta sokongan dua pertiga Ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat.

"Ada cadangan yang saya setuju, menegahkan tempoh Perdana Menteri (kepada) 10 tahun kerana kita tahu kalau sampai 22 tahun, boleh rosak negara.

"Saya setuju tetapi kita perlu runding dapatkan dukungan semua parti supaya ada dua pertiga (sokongan Ahli Parlimen).

"Jangan bimbang, kalau saya tak mungkin lepas 10 tahun. Dua tahun pun sudah penat. Saya, PKR dan PH (Pakatan Harapan) bersetuju. Biar ada kesediaan, persetujuan dua pertiga, saya sendiri akan mulakan.

"Bagaimanapun, jangan bawa usul kalau belum cukup (dua pertiga) sebab pembangkang apa yang dia kata pun, jangan percaya sebab mereka boleh berubah, fatwanya boleh berubah sepanjang masa.

"Kalau kuasa mutlak pada saya, esok saya luluskan tapi be-



Anwar bersama pemimpin DAP pada Kongres Kebangsaan DAP ke-18 di IDCC Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

zanya saya bukan diktator," katanya ketika berucap pada Kongres Kebangsaan DAP ke-18 di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC) Shah Alam, di sini semalam.

Yang turut hadir, Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke; Presiden AMANAH, Datuk Seri Mohamad Sabu; Presiden Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu, Datuk Ewon Benedick dan veteran DAP, Tan Sri Lim Kit Siang.

Hadir sama, Ketua Setiausaha PH, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Pengerusi DAP, Lim Guan Eng; Naib Presiden PKR, K Saraswathy dan Setiausaha Agung AMANAH, Muhammad Faiz Fadzil.

## Dalam manifesto PH

Terdahulu, Loke dalam ucapannya, berkata DAP berharap kerajaan di bawah kepemimpinan Anwar meminda Perlembagaan Persekutuan dalam tempoh 24 bulan ini, bagi menegahkan tempoh jawatan Perdana Mente-

ri kepada 10 tahun.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan, mengingatkan janji itu terkandung dalam manifesto PH dalam Pilihan Raya Umum (PRU) lalau yang perlu ditunaikan.

Katanya, DAP juga akan terus menyokong dan mencadangkan Anwar untuk terus menjadi Perdana Menteri jika mereka kembali membentuk kerajaan selepas PRU ke-16.

"Kita bukan minta Anwar berhenti tapi pindaan ini akan menjadi legasi kepada Anwar dalam sistem pentadbiran negara.

"DAP komited untuk terus menyokong, memegang jawatan Perdana Menteri selepas PRU ke-16, sama ada dalam model Kerajaan Perpaduan atau *configuration* baharu, kita akan terus berpegang bahawa yang akan wakili PH, tidak ada calon kedua selain Anwar," katanya.

Anwar yang juga Pengerusi PH, ketika memulakan ucapannya berkata, dalam tempoh dua

tahun Kerajaan Perpaduan menadbir, pelbagai pencapaian dan reformasi pentadbiran dapat dilaksanakan.

"Kita pinda Akta Perkhidmatan Parlimen untuk memberi kebebasan kepada Parlimen walaupun pembangkang menentang dengan cara berkecuali.

"Pindaan Perlembagaan bagi memartabatkan kuasa wanita kerana tidak munasabah apabila *parent* dalam rujukan Perlembagaan kita adalah bapa.

"Proses pindaan ini tak mudah, perlu dapat kesepakatan semua sekurang-kurangnya ada dua pertiga undi. Kena bawa kepada Majlis Raja-Raja yang mana ada juga pandangan mereka yang harus dibawa kembali ke Parlimen.

"Ada juga pertimbangan keselamatan. Ada juga bahaya diangkut dari luar untuk melambatkan hak kewarganegaraan. Itu sebabnya ia mengambil masa tetapi apakah kita berundur? Tidak, kita teruskan," katanya.